

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN  
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pendirian Kementerian terhadap pandangan dan kritikan masyarakat terhadap pentadbiran kerajaan seperti *#MuhyiddinOut* atau *#MalaysiaForward* yang menjadi trend di Twitter.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkongsian, perbincangan, komentar, kritikan, maklum balas dan pendapat pihak tertentu berhubung situasi, kejadian, perkara atau isu semasa adalah sebahagian daripada hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pihak Kerajaan komited dalam mendukung hak tersebut bagi memastikan setiap rakyat Malaysia menikmati kebebasan asasi mereka.

Kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan tetapi ia harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak melanggar sebarang peruntukan undang-undang.

Tindakan boleh diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multi-media Malaysia (SKMM) di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98) terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial, media elektronik sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Undang-undang relevan yang lain juga akan terpakai mengikut fakta kes yang disiasat, dan juga tertakluk kepada kesalahan-kesalahan lain di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan yang berkenaan, seperti PDRM. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan lanjut adalah berdasarkan kepada pertimbangan Jabatan Peguam Negara (AGC).